



27 September 2017  
27 September 2017  
P.U. (A) 272

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN  
*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN  
(PENGURUSAN PERSENDIRIAN) (PUNGUTAN TOL)  
(LEBUH RAYA DUTA-ULU KELANG FASA 2  
TUN RAZAK LINK) 2017

*FEDERAL ROADS (PRIVATE MANAGEMENT)  
(COLLECTION OF TOLLS) (DUTA-ULU KELANG  
EXPRESSWAY PHASE 2 TUN RAZAK LINK) ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN) 1984**

**PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN)  
(PUNGUTAN TOL) (LEBUH RAYA DUTA-ULU KELANG FASA 2 TUN RAZAK LINK) 2017**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 [Akta 306], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehkan dinamakan **Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Lebuhraya Duta-Ulu Kelang Fasa 2 Tun Razak Link) 2017.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 28 September 2017.

**Pemberikuasaan untuk memungut tol**

2. (1) Konsortium Lebuhraya Utara-Timur (KL) Sdn. Bhd. diberi kuasa bagi tempoh dari 28 September 2017 hingga 10 Ogos 2059 untuk meminta, memungut dan menyimpan tol yang berkeraan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama bagi penggunaan ke mana-mana arah oleh kelas kenderaan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama mana-mana bahagian jalan yang dikenali sebagai Lebuhraya Duta-Ulu Kelang Fasa 2 Tun Razak Link yang bermula dari kilometer 0.00 di koordinat U -109.045, T 118.474 Grid Cassini Negeri Selangor dan berakhir di kilometer 5.77 di koordinat U 1962.862, T 346.913 Grid Cassini Negeri Selangor, termasuklah Tanjakan Masuk dari Jalan Tun Razak, Tanjakan Keluar ke Jalan Pahang, Tanjakan Keluar ke Jalan 9/48A, Persimpangan Bertingkat Sentul Pasar 2, Pusingan U Bertingkat berhampiran Jalan Sentul, Pusingan U Bertingkat berhampiran Bandar Dalam, Plaza Tol Sentul Pasar Tambahan, Tanjakan Masuk dan Keluar di Taman Sri Setapak dan Persimpangan Bertingkat Jalan Gombak, iaitu suatu jarak sepanjang 5.77 kilometer.

(2) Jalan yang dinyatakan dalam subperenggan (1) yang bagi penggunaannya tol dibenarkan diminta, dipungut dan disimpan ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua.

**Pembayaran tol**

3. Seseorang pemandu kenderaan hendaklah, sebelum melalui Plaza Tol Sentul Pasar Tambahan yang terletak di kilometer 3.33 Lebu Raya Duta-Ulu Kelang Fasa 2 Tun Razak Link yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, membayar tol yang kena dibayar secara elektronik dengan kad elektronik, peranti elektronik berserta kad elektronik, pelekat elektronik atau dengan apa-apa cara lain, yang dibenarkan oleh Menteri bagi maksud pembayaran tol.

**Pengecualian daripada pembayaran tol**

4. Walau apa pun peruntukan Perintah ini, kenderaan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga dikecualikan daripada pembayaran tol.

**JADUAL PERTAMA**  
**[subperenggan 2(1)]**

**KADAR TOL BAGI TEMPOH DARI 28 SEPTEMBER 2017 HINGGA 10 OGOS 2059**

(1)	(2)
<i>Kelas Kenderaan</i>	<i>Tol Kena Dibayar (RM)</i>
	<i>Plaza Tol Sentul Pasar Tambahan</i>
1. Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan tiga atau empat roda (tidak termasuk taxi dan bas)	2.50
2. Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan lima atau enam roda (tidak termasuk bas)	3.80
3. Kenderaan yang mempunyai tiga gandar atau lebih (tidak termasuk bas)	5.00
4. Taxi	1.30
5. Bas	1.70

Bagi maksud mengira bilangan gandar dan roda sesebuah kenderaan, gandar dan roda mana-mana treler yang ditarik oleh kenderaan itu hendaklah dikira sebagai sebahagian daripada gandar dan roda kenderaan itu.

JADUAL  
[perenggan 2]

PETA LEBUH RAYA DUTA-ULU KELANG FASA 2 TUN RAZAK LINK

